"As a result, we came together and started busking.

"Today, having gained much confidence, I'm doing solo most

> I don't consider myself as an OKU ('Orang Kelainan Upaya', or individual with disability) although I acknowledge my physical limitation as there are things I can't do on my own such as reaching for something that only can be done on our two feet.
> — Syafieqah Marzuki, busker

of the time, although we still perform as a group once in a while. Besides busking, I also perform at wedding receptions and other functions," says Syafieqah.

**Supportive parents**

Inspired by her mother Hadiah, Syafieqah is able to fulfil her desire to become a singer. Both her parents love music. When they were younger, they had their own band for the love of music, and Hadiah would sing.

Today, her mother takes pleasure in watching her daughter perform in front of her appreciative audience, giving her all the needed support and encouragement.

But it was not just Hadiah's support towards her dreams and aspiration that made Syafieqah the person she is – it was most of all the loving care that Hadiah gave her daughter throughout the latter's recuperating years.

"Mum took good care of me during my long recuperation period without complaining, even though it was tough for her. Words cannot express how much that means to me.

"She helps build my confidence and courage so that I can be self-reliant," says Syafieqah.

Her philosophy in life: 'Never give up. Life goes on and so, we have to keep going'; it is a reflection of that. It is her fervent hope that people with disability be given a fair chance to show their talents and skills so that they can excel in the fields that they are good at.

She also looks forward to opportunities of performing in stage shows, concerts and television entertainment programmes.

Many aspiring singers have come from Sarawak, some of whom have achieved success in the domestic and international entertainment industries. If given the chance, artistes like Syafieqah might have a chance to succeed if they never give up.

The struggles and tribulations have given Syafieqah strength.

She understands what it was like to go through heartache and despair.

She seems to be able to accept the fact that the accident left her unable to walk.

She did not begin to feel the impact of the blow until a few months later, when she deeply realised she would have to live with the disability for the rest of her life.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CASHIER CLAIMS TO HAVE SUFFERED LOSS OF RM7,000 TO ONLINE INVESTMENT SCHEME SCAM | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 JUL 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Cashier claims to have suffered loss of RM7,000 to online investment scheme scam

**SIBU:** A cashier, in her 20s, suffered a loss of RM7,000 to an investment scheme.

According to Sibu police chief ACP Zulkipli Suhaili, the victim said she had been following and taking part in an investment scheme group via Telegram since February this year.

"On July 5, the victim was instructed by the suspect to transfer some money in order to get an investment return of RM3,000.

"She then made three transfers into three different local accounts, of which the details were given to her by the suspect," said Zuklipli in a statement.

He said after transferring the money, the cashier was told to make another transfer of RM6,000 to facilitate the processing of documents.

"Feeling something was amiss about the whole thing, the victim later realised that she had been scammed. She then lodged a police report on July 7.

"Up until the police report was lodged, the victim had received neither returns nor profits as promised by the suspects," said Zuklipli, adding that the case is being investigated under Section 420 of the Penal Code for cheating.

Zulkipli also reminded everyone to always be careful and to not be easily influenced by offers of profits or high returns from any investment scheme.

"Upon encountering such claims, check the investment credentials with Bank Negara Malaysia first.

"Any information or enquiries can be referred to the National Scam Response Centre (NSRC) via 997, or follow the Fabebook page @CyberCrimeAlertMP@JSJKPDRM."

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COMPREHENSIVE BENEFITS FOR FELDA SETTLERS WILL IMPROVE THEIR QUALITY OF LIFE - ANALYSTS | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 09 JUL 2023 | M/SURAT : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Comprehensive benefits for Felda settlers will improve their quality of life — Analysts

**KUALA LUMPUR:** The provision of benefits for the Federal Land Development Authority (Felda) settlers through several initiatives and incentives announced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim is aimed at improving their quality of life and to protect their welfare.

The incentives include the provision of infrastructure, healthcare and housing as well as enabling digital transformation.

Among the announcements made by Anwar were the Rahmah Health Contribution (SKR) which involves an allocation of RM21.21 million, the construction of hemodialysis centres with an allocation of RM21 million, expenditure for street lightings with a financial implication of RM7.7 million per year, and a diesel subsidy of RM36 million a year for three Felda settlements in Sabah.

He also announced the Digital MADANI programme would be implemented in cooperation with the Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) at 30 digital economy centres (PEDi) identified nationwide to make Felda a leader in digital transformation.

Economic Studies programme director at Jeffrey Cheah Institute on Southeast Asia, Sunway University, Prof Yeah Kim Leng said these measures will raise income, improve living standards and lighten the debt burden of the Felda community nationwide.

He said, most importantly, the digital transformation initiative, the Felda debt restructuring programme and debt cancellation for settlers would enable the organisation and settlers to forge a new beginning.

"It is hoped that the rejuvenation of Felda at a sizeable fiscal cost to the government, will strengthen the role and contribution of Felda and its settlers to the overall economy in general and the palm oil sector in particular," he told Bernama.

Meanwhile, an economist at Tun Abdul Razak University, Prof Barjoyai Bardai is of the view that the Digital Madani initiative that was announced is a 'seed' to encourage the growth of a new industry which is based on the digital economy and a migration to the Fourth Industrial Revolution (IR4.0).

"This can be used as a basis in the future to develop this industry and this is a great initiative because it is introduced with the focus on the Felda new generation.

"So hopefully this will be continued and improved from year to year until the objectives are achieved," he said.

In lauding the initiatives and incentives announced by Anwar, Barjoyai also proposed the establishment of a special institution to deal with issues related to health, safety, social protection and so forth that are faced by Felda settlers and their families.

He said the institution needs to generate income annually using the endowment system where the funds will be able to cover the costs of service facilities and social protection for the settlers and subsequently to other groups in need.

In addition, he said in order to ensure their quality of life is improved and the settlers' welfare is protected, the initiatives and incentives channeled by the government must be continued and should be included in the annual budget.

"This means that it is not just a one-time expenditure... this budget must be increased from time to time, taking into account the growing number of Felda settlers and their family members.

""Establishing a sustainable system that can continuously cover the costs of providing this facility for Felda settlers and their family members requires (government) attention," he said.

Anwar, who is also the Minister of Finance, also assured that the government will focus specifically on the Felda issue in the MADANI 2024 Budget this October as an effort to elevate Felda and protect the settlers' welfare.

Malaysian Institute of Economic Research (MIER) senior research fellow, Dr Shankaran Nambiar described the announcement made by the Prime Minister as a major initiative to uplift the well-being of Felda settlers as it covers all aspects of their lives.

He also proposed that the government look into modernising agriculture and upgrade the technology made available to the Felda settlers, as this could take agriculture to the next level for them.

Yesterday, at the Felda Settlers' Day celebration, Anwar said the government has approved an annual allocation of up to RM1 billion for 10 years starting this year, to ensure Felda survival and stated the Unity Government's commitment to write off a portion of settlers' loans amounting to RM8.3 billion.

On June 28, the government announced an agreement involving a government guarantee to restructure the agency's loan via the issuance of sukuk and revolving credit as part of efforts to restore Felda's financial position.

The major part of the restructuring of Felda's loans is to reduce the principal of Felda's debt to financial institutions by RM7.9 billion and it would also enable Felda to write off 80 per cent of the RM8.3 billion settlers' debt.

Nambiar said the move to reduce Felda's debt to financial institutions and reducing the interest rate due will give Felda more room to breathe.

"The key question is to cancel settlers' debt because if that can't be done the settlers have a grave situation and so has Felda. This agreement will be a great relief for the settlers; it will allow them to get back on track. It will also take the burden off Felda. It was a necessary solution," he said.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Centre of Media & Information Warfare Studies' security and political analyst, Dr. Noor Nirwandy Mat Noordin said the government's commitment to make Felda a leader in digital transformation through the MADANI Digital Programme is much welcome as a catalyst for economic development in this era of digitalisation.

He said this will trigger a chain reaction showing the government's recognition in strategically empowering the gig economy while also ensuring that the community's economic security is strengthened.

"The involvement of the Felda settlers with the matching strategy as a result of the government's digital transformation efforts will be able to create new job opportunities segmentation and ownership of the gig economy, in particular among the Felda new generation.

"The government is also advised to establish a unit and support system to ensure that the Felda generation is involved and monitored regularly so that they can dominate certain gig economy sectors to strategically improve the value of the gig economy," he said. — Bernama

TAJUK : GARBAGE TRUCK RUNS OVER GIRL WHO FELL UNDER THE TYRE
HARI : AHAD
AKHBAR : THE BORNEO POST
TARIKH : 09 JUL 2023
M/SURAT : 11
TONE : NEGATIF
SEKTOR : KPWKM

# Garbage truck runs over girl who fell under the tyre

**SEREMBAN:** A seven-year-old girl died after the bicycle she was riding collided with the rear tyre of a garbage truck in Taman Pinggiran Felda Sungai Kelamah, Gemas, yester morning.

Tampin District police chief Supt Anuwal Ab Wahab said the victim, identified as Aminah Mohd Hafis, died at the scene due to severe injuries sustained in the 11.30 am incident.

"Preliminary investigations revealed that a Mitsubishi garbage truck driven by a 55-year-old man had made a turn to collect rubbish in the area before the victim, suddenly dashed out from her house in a bicycle and hit the right tyre of the lorry before falling under the lorry.

"The lorry driver then alighted from the driver's seat and found the girl under the rear tyre," he said in a statement yesterday.

The body was sent to the Tampin Hospital for post-mortem and the case is being investigated under Section 41(1) of the Road Transport Act 1987. — Bernama

TAJUK : BELAJAR URUS PERBELANJAAN DARI USIA AWAL, SARAN FATIMAH

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 09 JUL 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Belajar urus perbelanjaan dari usia awal, saran Fatimah

**KUCHING:** Ibu bapa harus mendidik dan menggalakkan anak-anak mereka untuk belajar menguruskan perbelanjaan mereka dari awal usia.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, ini penting supaya mereka tahu nilai wang.

"Tabiat kewangan yang baik perlu dipupuk oleh ibu bapa sendiri dengan menjadi idola yang hebat di mata anak-anak.

"Kita tanamkan minat mereka untuk menabung dan apabila mereka meningkat dewasa mereka sememangnya akan suka menabung kerana telah dididik sejak kecil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis graduasi Program Literasi Kewangan Smart Reader Kids di Grand Riverine Ballroom di Petanak di sini, semalam.

Atas sebab itu, Fatimah mengucapkan tahniah kepada Smart Reader Kids memperkenalkan program literasi kewangan ini.

Program 'DuitSmart Kids' katanya, direka untuk meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan kanak-kanak dengan harapan membangun generasi yang lebih bijak.

Menerusi program 'DuitSmart Kids', kanak-kanak belajar menghargai dan memahami nilai wang menerusi empat konsep pendapatan, penjimatan, perbelanjaan dan perkongsian.

"Menabung adalah satu amalan yang harus dipupuk dalam setiap individu. Kita biasa mendengar orang lama berkata, 'sikit-sikit lama-lama jadi bukit.'

"Jadi tahniah kepada Smart Reader Kids atas inisiatif yang kreatif ini," katanya.

Program DuitSmart Kids itu turut berkolaboratif dengan Hong Leong Bank Berhad.

Majlis graduasi semalam juga menyaksikan percubaan untuk memecah Malaysi Book of Records untuk kanak-kanak paling ramai graduasi dari program itu.

Majlis graduasi itu turut diadakan bagi menganugerahkan pelajar Smart Reader Kids berumur 4 hingga 7 tahun yang menamatkan program DuitSmart Kids.

Hadir sama Pengarah Pembangunan Perniagaan Smart Reader Worlwide Sdn Bhd Jeraj Pitchamuthu serta yang lain.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EFS INISIATIF BANTU ANAK SARAWAK PADA MASA DEPAN, KATA FATIMAH | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# EFS inisiatif bantu anak Sarawak pada masa depan, kata Fatimah

SRI AMAN: Endowment Fund Sarawak (EFS) merupakan inisiatif kerajaan Sarawak dengan pemberian sejumlah RM1,000 dalam bentuk simpanan amanah kepada setiap kelahiran anak Sarawak bermula 2019 tanpa mengira bangsa, agama atau status sosioekonomi.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, EFS adalah bagi membantu anak-anak Sarawak sebagai persediaan melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi, memulakan karier atau sebagai modal kecil perniagaan.

"Sejak pelaksanaan pada 1 Januari 2019 sehingga 31 Mei tahun ini, sebanyak 94,781 akaun EFS dibuka melibatkan peruntukan sejumlah RM94,781 juta," katanya pada Majlis Penyerahan EFS dan Bantuan Ibu Bersalin (BIB) serta lawatan ke wad bersalin Hospital Sri Aman kelmarin.

Menurutnya, BIB diperkenalkan pada 1 Januari 2020 dan sehingga 31 Mei tahun ini, seramai 48,278 ibu mendapat bantuan sebanyak RM450 secara 'one-off' dengan bantuan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM21.92 juta.



LAWATAN: Fatimah (kanan), Dayang Noorazah (kiri), Harden (dua kiri) semasa lawatan ke wad bersalin Hospital Sri Aman kelmarin.

"BIB merupakan inisiatif kerajaan Sarawak dengan pemberian RM450 dalam bentuk tunai kepada setiap ibu berstatus 'K' atau isteri pemegang kad pengenalan berstatus 'K' melahirkan anak bagi membantu keperluan ibu selepas melahirkan anak seperti pemakanan sihat serta penjagaan diri semasa tempoh berpantang tanpa mengira bangsa, agama atau status sosioekonomi," jelasnya.

Katanya, bagi EFS permohonan boleh dilakukan secara manual di semua 52 cawangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di Sarawak bagi pemohon berada di Sarawak.

Manakala, bagi pemohon berada di luar Sarawak permohonan boleh dibuat dengan mengirimkan semua dokumen diperlukan ke Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat, Ibu Pejabat JPN Negeri Sarawak.

"Bagi BIB permohonan secara manual boleh dilakukan di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian atau Daerah, mana-mana Pejabat Daerah, JPN Sarawak atau Pejabat Urus Setia Bantuan Ibu Bersalin, Bangunan Baitul Makmur 2.

"BIB boleh dilakukan secara dalam talian di https://isarawakcare.sarawak.gov.my dengan memuat naik semua dokumen sokongan tanpa hadir ke pejabat untuk berurusan," tambahnya.

Katanya, permohonan adalah percuma dan kementerian menyeru semua ibu bapa layak memohon secepat mungkin di mana-mana pejabat kebajikan atau JPN terdekat.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi urus setia EFS dan BIB melalui WhatsApp +6014-6881398.

Turut mengiringi beliau semasa lawatan tersebut Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simanggang, Datuk Francis Harden Hollis serta ADUN Lingga Dayang Noorazah Awang Sohor.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INISIATIF BANTU KURANGKAN BEBAN EKONOMI RAKYAT PENDEKATAN BAIK, PERLU DITERUSKAN: PAKAR | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 JUL 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Inisiatif bantu kurangkan beban ekonomi rakyat pendekatan baik, perlu diteruskan: Pakar

**KUALA LUMPUR:** Sembilan belas inisiatif mengurangkan beban ekonomi rakyat yang telah dilaksanakan sepanjang tujuh bulan lepas oleh Kerajaan Perpaduan dilihat sebagai pendekatan yang baik dan perlu diteruskan, kata pakar.

Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, inisiatif kerajaan itu merupakan usaha menyeluruh dan meliputi pelbagai golongan serta memberi fokus kepada aspek pendidikan, kesihatan dan pengangkutan yang merupakan keperluan asas masyarakat umum.

"Bantuan ini setidak-tidaknya dapat meringankan beban kewangan yang dihadapi ramai golongan berkelayakan. Dalam sudut ini, hasil lain yang diterima oleh mereka melalui gaji atau hasil perniagaan sedia ada boleh digunakan untuk keperluan yang lain," katanya ketika dihubungi Bernama semalam.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Dr Anuar Ahmad pula berkata inisiatif berkenaan sememangnya banyak membantu kumpulan masyarakat yang sangat memerlukan dan usaha itu perlu diteruskan.

Bagaimanapun, beliau berpandangan kebanyakan inisiatif yang telah dilaksanakan setakat ini masih bersifat jangka pendek dan berharap pendekatan jangka panjang serta bersifat struktural dalam usaha pemulihan ekonomi negara dapat disegerakan.

"...misalnya menyediakan lebih banyak peruntukan untuk membangunkan sumber manusia yang berkualiti dan berkemahiran tinggi, mengurangkan kadar pengangguran belia, meningkatkan pelaburan yang berteknologi tinggi dan menyediakan lebih banyak institusi latihan dan kemahiran seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Pemodenan sektor pendidikan dan latihan untuk rakyat dalam negara ini seharusnya dijadikan keutamaan Kerajaan Perpaduan untuk meningkatkan daya saing sumber manusia negara," katanya.

Sementara itu, Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS) Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata pelbagai inisiatif berkenaan merupakan usaha yang baik dan perlu bagi membantu kumpulan terkesan dalam mengharungi keadaan ekonomi negara yang tidak menentu.

Bagaimanapun, beliau berkata sebahagian besar daripada inisiatif itu adalah bersifat langkah jangka pendek dan ada yang merupakan sedikit penambahbaikan terhadap inisiatif sedia ada.

"Sehubungan itu, inisiatif jangka masa pertengahan dan panjang perlu dilaksanakan serta diberi tumpuan yang lebih besar dan menonjol untuk melengkapkan inisiatif sedia ada.

"Beberapa inisiatif yang boleh dimulakan adalah memastikan adanya komitmen untuk terus meningkatkan gaji minimum serta purata gaji setiap pekerja secara tahunan.

"Selain itu, pembaharuan berterusan ke atas bantuan faedah sosial harus dilakukan menggunakan pangkalan data dan teknologi bagi memastikan bantuan khusus dan sesuai, bukannya satu piawaian untuk semua," katanya.

Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil menerusi video khas siri pertama laporan pencapaian Kerajaan Perpaduan yang disiarkan di laman rasmi Facebooknya kelmarin merangkumkan inisiatif kerajaan melibatkan pengenalan beberapa bantuan baharu serta menaikkan kadar bantuan sedia ada.

Laporan itu menyebut dalam tempoh tujuh bulan pentadbiran Kerajaan Perpaduan, sekurang-kurangnya 19 inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Perpaduan untuk membantu mengurangkan beban ekonomi rakyat.

Daripada 19 inisiatif tersebut, sembilan merupakan kenaikan kadar bantuan bagi pelajar, anak muda, golongan berpendapatan rendah, guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), penjawat awam, pesara kerajaan dan pekebun. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEADAAN PENYAKIT BERKAITAN NCD ANTARA PUNCA UTAMA KEMATIAN IBU BERSALIN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 JUL 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



TIBA: Dr Zaliha (tengah) ketika hadir pada Kongres Perubatan Malaysia-Singapura kali ke-56 dan Kongres Antarabangsa Wanita 2023 di Kuala Lumpur, kelmarin. Turut sama Ketua Akademi Perubatan Malaysia Prof Dr Rosmawati Mohamed (kiri). — Gambar Bernama

# Keadaan penyakit berkaitan NCD antara punca utama kematian ibu bersalin

KEADAAN kesihatan berkaitan penyakit tidak berjangkit (NCD) dikenal pasti sebagai antara punca utama menyumbang kepada kadar kematian ibu bersalin di Malaysia, kata Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata satu kajian yang dijalankan dari 2019 hingga 2021 merekodkan kadar kematian ibu bersalin tertinggi bagi purata tiga tahun, kebanyakannya disebabkan oleh keadaan perubatan berkaitan NCD dan pendarahan selepas bersalin.

"Antara ibu dengan keadaan perubatan berkaitan, lebih 50 peratus kematian adalah disebabkan oleh penyakit jantung.

"Selain itu, obesiti adalah faktor risiko utama dikenal pasti antara kematian ibu bersalin berpunca daripada salur darah paru-paru tersumbat selepas pembedahan Caesarean," katanya pada Kongres Perubatan Malaysia-Singapura ke-56 sempena Kongres Antarabangsa MyWoman 2023, di Kuala Lumpur, kelmarin.

Dr Zaliha berkata bagi mengurangkan kadar kematian ibu bersalin, Kementerian Kesihatan telah memperkukuh Penjagaan Pra Kehamilan (PPK) dan penilaian risiko Thrombosis Vena Dalam (DVT) serta memberi preskripsi thromboprophylaxis kepada wanita hamil.

Selain itu, beliau berkata setakat Jun, 105,789 individu telah menjalani saringan kesihatan di fasiliti KKM di bawah Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan, iaitu setahun selepas program itu dilancarkan pada Julai tahun lepas.

Katanya, apa yang menarik ialah daripada jumlah itu, 58,441 atau 55.24 peratus adalah wanita, justeru menunjukkan kaum hawa kini lebih mengambil berat aspek kesihatan mereka.

"Bilangan wanita untuk setiap negeri yang telah menjalani saringan melebihi 50 peratus dengan Selangor mempunyai kadar saringan tertinggi (61.9 peratus) manakala Pulau Pinang paling rendah pada 55.5 peratus," tambahnya. — Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENEROKA FELDA TERIMA MANFAAT MENYELURUH, TINGKAT HIDUP: PENGANALISIS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 JUL 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Peneroka FELDA terima manfaat menyeluruh, tingkat kualiti hidup: Penganalisis

**KUALA LUMPUR:** Warga Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) menerima manfaat menyeluruh menerusi beberapa inisiatif dan insentif diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bertujuan meningkatkan kualiti hidup serta memelihara kebajikan mereka.

Insentif itu antara lain meliputi aspek penyediaan infrastruktur, penjagaan kesihatan, pendigitalan dan perumahan.

Antara diumumkan, Sumbangan Kesihatan Rahmah (SKR) melibatkan peruntukan RM21.21 juta, pembinaan pusat hemodialisis dengan peruntukan RM21 juta, perbelanjaan untuk kos operasi lampu jalan melibatkan RM7.7 juta setahun dan subsidi diesel RM36 juta setahun bagi tiga FELDA di Sabah.

Anwar turut mengumumkan program dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) akan dilaksanakan di 30 Pusat Ekonomi Digital (PEDi) yang dikenal pasti di seluruh negara untuk menjadikan FELDA sebagai peneraju transformasi digital menerusi program Digital MADANI bagi memperkasa ekonomi gig.

Pengarah Program Pengajian Ekonomi di Institut Jeffrey Cheah Asia Tenggara, Sunway University Prof Yeah Kim Leng berkata langkah berkenaan akan meningkatkan pendapatan, menambah baik taraf hidup dan meringankan beban hutang komuniti FELDA di seluruh negara.

Beliau berkata yang paling penting, inisiatif transformasi digital, program penstrukturan semula pinjaman FELDA dan pemansuhan hutang peneroka akan membolehkan peneroka memulakan hidup baharu.

"Diharapkan peremajaan FELDA dengan kos fiskal yang besar terhadap kerajaan akan memperkukuh peranan dan sumbangan FELDA dan komunitinya kepada keseluruhan ekonomi amnya dan sektor sawit khususnya," katanya kepada Bernama.

Ahli Ekonomi daripada Universiti Tun Abdul Razak Prof Barjoyai Bardai pula berpendapat inisiatif Digital MADANI yang diumumkan itu sebagai 'benih' untuk mewujudkan satu industri baharu iaitu industri berasaskan ekonomi digital dan penghijrahan kepada Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

"Ini boleh dijadikan asas pada masa akan datang untuk membangun industri ini dan inisiatif yang dilakukan ini sangat baik kerana ia dimulakan juga dengan memfokuskan kepada generasi baharu FELDA.

"Jadi harapnya ini akan berterusan serta meningkat dari tahun ke tahun sehingga mencapai matlamat," katanya.

Menyambut baik inisiatif dan insentif lain yang diumumkan Anwar, Barjoyai turut mencadangkan penubuhan satu institusi khusus bagi menangani isu berkaitan kesihatan, keselamatan, perlindungan sosial dan sebagainya melibatkan warga FELDA dan keluarga.

Beliau berkata institusi itu perlu menjana pendapatan secara tahunan menggunakan sistem endowmen dan boleh menampung kos untuk membiayai kemudahan perkhidmatan serta perlindungan sosial bagi warga FELDA, seterusnya diteruskan bagi semua kumpulan yang memerlukan.

Selain itu, beliau berkata bagi memastikan peningkatan kualiti hidup dan memelihara kebajikan warga FELDA, inisiatif dan insentif disalurkan kerajaan ini perlu diteruskan serta perlu melibatkan belanjawan tahunan.

"Ini bermakna ia bukan hanya satu perbelanjaan sekali gus... belanjawan ini perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa, mengambil kira bilangan peserta FELDA dan ahli keluarga mereka yang semakin ramai.

"Ini memerlukan perhatian (kerajaan), bagaimana untuk mewujudkan satu sistem yang lestari dan dapat secara berterusan menampung kos pemberian kemudahan ini kepada mana-mana ahli keluarga dan peserta FELDA," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut memberi jaminan kerajaan akan memberi tumpuan khusus berkaitan isu FELDA dalam Belanjawan MADANI 2024, Oktober depan sebagai usaha kerajaan untuk mengangkat martabat FELDA dan membela nasib penerokanya.

Felo Penyelidikan Kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) Dr Shankaran Nambiar menyifatkan pengumuman oleh Perdana Menteri itu sebagai inisiatif utama untuk meningkatkan kesejahteraan peneroka FELDA kerana mencakupi semua aspek kehidupan mereka.

Beliau turut menyarankan kerajaan meneliti pendekatan dalam memodenkan bidang pertanian dan menaik taraf teknologi yang disediakan untuk peneroka FELDA.

Kelmarin, pada majlis sambutan Hari Peneroka FELDA 2023, Anwar dilaporkan berkata kerajaan meluluskan dana sehingga RM1 bilion setahun bagi tempoh 10 tahun mulai tahun ini untuk menjamin kelangsungan FELDA dan menyatakan komitmen Kerajaan Perpaduan untuk melupuskan sebahagian daripada pinjaman peneroka berjumlah RM8.3 bilion.

Pada 28 Jun lepas, kerajaan mengumumkan telah menandatangani perjanjian melibatkan Jaminan Kerajaan kepada FELDA untuk menstruktur semula pinjaman melalui terbitan sukuk dan kredit pusingan dalam usaha memulihkan kedudukan kewangan FELDA.

Sebahagian besar penstrukturan semula pinjaman FELDA itu melibatkan pengurangan prinsipal hutang FELDA bersama institusi kewangan sebanyak RM7.9 bilion serta membolehkan FELDA memberi pemansuhan 80 peratus hutang peneroka berjumlah RM8.3 bilion.

Shankaran Nambiar berkata langkah mengurangkan hutang FELDA daripada institusi kewangan dan mengurangkan kadar faedah yang perlu dibayar akan memberi FELDA lebih ruang untuk 'bernafas'.

"Persoalan utama ialah melupuskan hutang peneroka kerana jika itu tidak dapat dilakukan, peneroka mempunyai situasi yang teruk dan begitu juga dengan FELDA. Perjanjian ini akan memberi kelegaan yang besar kepada peneroka. Ia juga akan mengurangkan beban FELDA. Ia adalah penyelesaian yang perlu," katanya.

Penganalisis Keselamatan dan Politik, Pusat Pengajian Perang Saraf Media & Informasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dr Noor Nirwandy Mat Noordin pula berkata, komitmen kerajaan menjadikan FELDA sebagai peneraju transformasi digital menerusi Program Digital MADANI dialukan bagi mewujudkan gelombang pemangkin ekonomi masyarakat dalam era digitalisasi ekonomi.

Beliau berkata ia bakal mencetuskan rantaian perubahan serta mewujudkan pengiktirafan kerajaan dalam memperkasakan ekonomi gig secara strategik di samping memastikan keselamatan ekonomi masyarakat dipertingkat.

"Pembabitan generasi FELDA dengan padanan strategik hasil usaha transformasi digital kerajaan akan berupaya mewujudkan segmentasi baru peluang pekerjaan dan pemilikan ekonomi gig dalam kalangan generasi baru FELDA khususnya.

"Kerajaan juga disarankan menubuhkan unit serta sistem sokongan berterusan bagi memastikan generasi FELDA dapat terbabit secara konsisten serta dipantau secara berterusan supaya mereka boleh mendominasi sektor ekonomi gig tertentu bagi meningkatkan nilai ekonomi gig golongan tersebut secara strategik," katanya. — Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RAJA PERMAISURI TITAH PPPM TEROKA PERNIAGAAN BAHAN KITAR SEMULA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 09 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Raja Permaisuri titah PPPM teroka perniagaan bahan kitar semula

**KUALA SELANGOR:** Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah semalam bertitah agar Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM) meneroka peluang perniagaan baharu termasuklah daripada bahan kitar semula.

Tunku Azizah yang juga Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Malaysia bertitah bahawa botol plastik mampu dikitar semula dan boleh dijadikan bahan dalam menghasilkan beg, kusyen serta selimut.

"Pada Mei tahun lepas saya telah ke Chelsea Flower Show (di England) dan saya amat kagum apabila memasuki satu reruai. Cantik tenunan dan hamparan beg, kusyen, selimut (yang dihasilkan daripada botol plastik).

"Yang saya nak kongsi mereka di England mengambil semua botol plastik lalu dicairkan bersama hampas padi di India menjadi benang serta ditenun untuk membuat karpet, beg dan selimut," titah Tunku Azizah.

Seri Paduka Baginda bertitah demikian semasa merasmikan Program 'Plastic Busters Beach-River-Park Clean Up Peringkat Kebangsaan 2023' di Stadium Tertutup Kuala Selangor, di sini melibatkan 1,000 peserta selain ia turut dilaksanakan serentak di seluruh negara semalam.

Turut berkenan berangkat ke majlis itu, Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin merangkap Penaung Diraja PPPM Cawangan Selangor.

Turut hadir Yang Dipertua PPPM Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Tunku Azizah bertitah program dan aktiviti pembersihan alam sekitar khususnya kawasan pantai yang dilaksanakan semalam mampu menanam kesedaran pada semua peringkat masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

"Ini bagi menanam semangat sayangkan alam sekitar kerana kita di Malaysia ini suka buang sampah dalam sungai, jadi ia akan masuk ke laut. Sebanyak mana duit ada dalam dunia, kita tidak boleh membuat pantai. Jika kita hapuskan pantai, kita tidak boleh membuatnya semula kerana itu adalah alam semula jadi yang kita harus jaga.

"Jadi kita kena didik semua orang di sini. Kita sekarang ada banyak tong sampah khas (tong sampah kitar semula). Sudah tiba masanya anak-anak faham apa yang terjadi di pantai. Apa yang terjadi sekiranya kita buang plastik begitu sahaja," titah Seri Paduka Baginda.

Tunku Azizah bertitah program itu juga akan meningkatkan kebertanggungjawapan semua pihak termasuk daripada kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan dalam memelihara serta memulihara perairan dan pantai di samping dapat mewujudkan persekitaran yang bersih ceria malah selamat untuk dikunjungi. — Bernama



**LAWATAN:** Tunku Azizah (dua kanan) bersama Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin (tiga kiri) berkenan melawat ke tapak pameran kraf tangan selepas Majlis Perasmian Program Plastics Buster Beach-River-Park Clean Up Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Stadium Tertutup Kuala Selangor semalam. Turut kelihatan, Dr Wan Azizah dan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek. — Gambar Bernama